

07/11/1998

Along menang Anugerah Kristal 1998

KUALA LUMPUR, Jumaat - Program Along yang disiarkan di TV1 dan ditaja Permodalan Nasional Bhd (PNB), dipilih sebagai pemenang keseluruhan Anugerah Kristal 1998.

Anugerah kelolaan Institut Perhubungan Raya Malaysia (IPRM) dan diberi kepada projek perhubungan awam terbaik tempatan itu, disampaikan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pada satu majlis di sini, hari ini.

Turut hadir, Presiden IPRM, Profesor Mohd Hamdan Adnan. PNB diwakili Ketua Eksekutifnya, Hamad Kama Piah Che Othman.

Rancangan Along adalah aktiviti utama di bawah program "Bijak Sifir" yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 15 Januari 1994.

Pada majlis berkenaan, Abdullah turut menyampaikan Anugerah Khas kepada Sukom 98 Bhd bagi projek promosi Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998.

Hong Bank Bhd dipilih pemenang kategori Projek Persekitaran dengan projek Wetland Wonders, Nestle (M) Bhd memenangi anugerah kategori Perhubungan Awam Pengguna dengan projek "Kempen Milo-Malaysia Boleh", manakala Lembaga Pelancongan Sarawak memenangi kategori Pembinaan Imej melalui projek 'The Hidden Paradise of Borneo'.

Mayban Finance pula memenangi anugerah kategori Perhubungan Kemasyarakatan bagi projek 'Segmen Harapan', Soka Gakkai Malaysia dipilih sebagai pemenang kategori Program Sukarela bagi projek 'Human Graphics - Sukom 98', sementara Institut Pengurusan Wanita pula dipilih sebagai pemenang kategori Pengurusan Isu bagi projek 'Program Usahawan Kebangsaan'.

Bagaimanapun, tiada pemenang dipilih bagi kategori Kempen Perhubungan Awam dan kategori Perhubungan Kewangan.

(END)